

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Kemalangan Diri Penunggang Motosikal

**NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Diri Penunggang Motosikal. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma dan syarat-syarat amnya.**

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini menyediakan perlindungan 24 jam seluruh dunia terhadap kematian atau hilang upaya kekal disebabkan oleh kejadian malang yang tidak disengajakan, keganasan, secara luaran dan ketara.

Kelayakan: Semua Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia atau pemegang permit kerja di Malaysia berumur 16 tahun sehingga 65 tahun.

**2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?**

Sila rujuk kepada Jadual Faedah dalam risalah produk.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?**

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada pelan yang dipilih. Anda boleh merujuk kepada risalah untuk maklumat terperinci.

**4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan pengantara	10% daripada premium

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

- (i) Kepentingan membuat Pendedahan - MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Faedah akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kecederaan anggota badan.
- (iii) Agregat peratusan keseluruhan yang perlu dibayar berhubung dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah diinsuranskan dan sekiranya 100% daripada jumlah diinsuranskan telah dibayar, polisi ini akan berhenti berkuat kuasa.
- (iv) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.

**6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Sebarang ketidakupayaan atau penyakit yang sedia ada, segala serangan sawan, penyakit atau kesakitan pelbagai jenis;
- Keganasan;
- Melahirkan anak;
- Ketika memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsi oleh pengamal perubatan yang berkelayakan;
- Melakukan atau cuba untuk melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang;
- Bunuh diri dan sebarang bentuk percubaan bunuh diri;
- Membuat penerbangan/perjalanan dalam pesawat selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam penerbangan berjadual.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan 7 hari notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat jumlah bayaran balik premium mengikut kadar jangka pendek Syarikat pada masa pembatalan polisi.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmGeneral Insurance Berhad**

Menara Shell,

No. 211, Jalan Tun Sambanthan,

50470, Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Bebas : 1 800 88 3833

E-mel : [customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)

Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

**10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada**

- a) Kemalangan Diri "*Kurnia Star*"
- b) Kemalangan Diri "*Perfect 10*"
- c) Kemalangan Diri "*Perfect 10 Plus*"
- d) "*PA Supreme*"

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 Disember 2020.